

UPM bangunkan kajian **Pengimejan Sel Hidup**

Serdang: Institut Biosains (IBS) Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima dana pembiayaan berjumlah RM2 juta daripada Olympus Corporation (Olympus) bagi membangunkan kajian suite Pengimejan Sel Hidup berprestasi tinggi.

Penempatan sistem pengimejan berprestasi tinggi itu turut berkeupayaan membolehkan penyelidikan pembangunan vaksin dan terapeutik serta kanser dan sel stem dijalankan di UPM.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UPM, Prof Datuk Ir Dr Mohd Saleh Jaafar, berkata kerjasama itu memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak dalam menyumbang terhadap perkembangan penyelidikan sains hayat sejagat.

"Kerjasama ini membuka

peluang kepada saintis tempatan untuk membangunkan teknologi pengimejan sel hidup. Dengan kepakaran UPM dan sokongan Olympus, saya yakin UPM akan menjadi pusat penyelidikan biopengimejan terunggul dalam masa terdekat," katanya ketika berucap dalam majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) antara UPM dengan Olympus.

Penyelidikan berkualiti

UPM diwakili Mohd Salleh, manakala Olympus oleh Pengarah Urusan Wilayah Asia Pasifik, Kazuhiro Watanabe. Kerjasama selama dua tahun UPM dan Olympus itu turut merangkumi kos penyelenggaraan peralatan dan penempatan seorang pakar sepenuh masa.

Sementara itu, Kazuhiro



Prof Mohd Saleh (dua dari kiri) bersama dengan Kazuhiro (dua dari kanan) selepas majlis menandatangani MoA UPM dan Olympus, baru-baru ini.

Watanabe, berkata pihaknya memilih UPM kerana yakin dengan kualiti penyelidikan yang bertaraf dunia.

"UPM memiliki kemudahan makmal berteknologi tinggi dan kedudukannya

yang strategik untuk menjadi salah sebuah pusat pembangunan penyelidikan di rantau Asia," katanya.

Selain UPM, katanya, Olympus turut menempatkan sistem yang sama

di Institut of Medical Biology (IMB), Singapore dan di Faculty Of Science, Mahidol University, Thailand.

IBS UPM akan menganjurkan kursus asas dan termaju pengimejan sel

hidup bagi pelajar ijazah lanjutan dan penyelidik dari UPM dan lain-lain institusi pengajian tinggi setempat bertujuan meluaskan aplikasi pengimejan sel hidup dalam penyelidikan.